

**MINIT MESYUARAT *WORKING GROUP* LHDNM DENGAN PERSATUAN  
AKAUNTAN DESIRE - BIL. 1/2010**

Tarikh: 30 Mac 2010 (Selasa)  
Masa: 9.30 pagi  
Tempat: Dewan Perdana  
Tingkat 16, Blok 9  
Kompleks Bangunan Kerajaan, Jalan Duta,  
Kuala Lumpur

**Kehadiran:**

<b>PEGAWAI LHDNM</b>		
1.	Y.Bhg Dato' Dr. Mohd. Shukor Bin Hj. Mahfar	Timbalan Ketua Pengarah (Operasi Percukaian) <b>(Pengerusi)</b>
2.	Encik Sabin @ Sapilin Bin Samitah	Pengarah Pejabat Negeri Selangor Selangor
3.	Tuan Hj. Mohd Idris Bin Mamat	Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai
4.	Encik Mohammad Sait Bin Ahmad	Pengarah Jabatan Operasi Cukai
5.	Puan Asriah Bt. Shaari	Pengarah Pejabat Negeri Selangor
6.	Cik Puteh Mariah Bt. Harun	Pengarah Jabatan Pungutan Hasil
7.	Puan Rozina Bt.Shaik Osman Merican	Pengarah Jabatan Khidmat Korporat
8.	Cik Ramlot Bt. Keli	Pengarah Jabatan Pemprosesan Maklumat
9.	Encik Mohd Zaiki Bin Ariffin	Pengarah Bahagian Dasar Dan Operasi, Jabatan Operasi Cukai
10.	Puan Teoh Ai Suan	Pengarah Bahagian Duti Setem, Jabatan Operasi Cukai
11.	Cik Norhayati Bt. Mat Kassim	Pengarah Bahagian Pembangunan Operasi, Jabatan Operasi Cukai
12.	Puan Gan Lee Choo	Pengarah Bahagian Khidmat Nasihat, Jabatan Dasar Percukaian
13.	Puan Salmah Bt. Che Ros	Pengarah Bahagian Pusat Khidmat Pelanggan, Jabatan Khidmat Korporat

14.	Encik Tan Sin Huat	Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Duti Setem, Jabatan Operasi Cukai
15.	Encik Abd Rahman Bin Yusof	Ketua Unit e-Filing , Jabatan Teknologi Maklumat
16.	Encik Masrun Bin Maslim	Penolong Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat, Jabatan Khidmat Korporat
17.	Puan Fatimah Bt. Ibrahim	Penolong Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat, Jabatan Khidmat Korporat
18.	Puan Wan Saodah Bt. Wan Abu Bakar	Pengarah, Bahagian Pengurusan Pelanggan, Jabatan Operasi Cukai (Urus setia)
19.	Puan Ooi Chooi Peng	Penolong Pengarah, Bahagian Dasar & Operasi, Jabatan Operasi Cukai (Urus setia)
20.	Puan Muzlifah Bt.Musa	Pegawai Hasil, Jabatan Teknologi Maklumat (Urus setia)
21.	Puan Norhan Bt. Jaafar	Penolong Pegawai Hasil, Jabatan Operasi Cukai (Urus setia)
22.	Puan Bavani Joseph	Penolong Pegawai Hasil, Jabatan Operasi Cukai (Urus setia)
<b>WAKIL DIGICERT</b>		
23.	Encik Amir Suhaimi Hassan	
24.	Encik Mohd Diah A Karim	
25.	Encik Nik Kariman Nik Ismail	
<b>WAKIL PERSATUAN AKAUNTAN</b>		
26.	Encik Lim Kah Fan	Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)
27.	Puan Lim Gim Kim	CTIM
28.	Encik Lim Kok Seng	CTIM
29.	Cik Peggy Then	CTIM
30.	Puan Seah Siew Yun	CTIM
31.	Puan Azlina Bt. Zakaria	Malaysian Institute of Accountants (MIA)

32.	Encik Beh Tok Koay	MIA
33.	Puan Suzana Hulaimi	MIA
34.	Puan Tong Siew Choo	Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)
35.	Puan Cheong Li Wei	MICPA
36.	Puan Woon Yoke Lee	MICPA
37.	Puan Theresa Goh	MICPA
38.	Dr. Zalina Bt Dato' Haji Mohd Sahir	I The Institute Of Cooperative & Management Accountants (ICMA)
39.	Encik Azmi Bin Jaafar	ICMA
40.	Encik Peter Lim Thiam Kee	Malaysian Institute Of Chartered Secretaries And Administrators (MAICSA)
41.	Encik Ong Whee Tiong	MAICSA
42.	Cik Nurul Aliza Bt. Abd Aziz	MAICSA
43.	Encik Lau Haw Chong	Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)
44.	Tuan Haji Osman bin Ujang	MACS
45.	Encik Alex Lee Lip Sun	MACS
<b>WAKIL PERSATUAN BEKAS PEGAWAI HASIL DALAM NEGERI</b>		
46.	Encik Harpal S Dhillon	Bekas Pegawai Hasil

## 1. PENDAHULUAN

- 1.1 YBhg Dato' Pengerusi mengucapkan selamat sejahtera dan mengalu-alukan kehadiran ahli mesyuarat dari wakil Persatuan Akauntan, DigiCert, Bekas Pegawai LHDNM dan juga pegawai LHDNM dari pelbagai Jabatan. Seterusnya semua ahli mesyuarat dijemput memperkenalkan diri masing-masing.
- 1.2 YBhg Dato' Pengerusi mengumumkan bahawa satu lawatan ke Pusat Pemprosesan, Pandan Indah akan dianjurkan pada 27 April 2010. Lawatan ini adalah bertujuan memberi peluang kepada wakil persatuan untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pemprosesan borang. Di samping itu juga memberi pendedahan kepada wakil persatuan keadaan persekitaran dan bebanan kerja menjelang minggu terakhir bulan April.
- 1.3 YBhg Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa Persatuan Akauntan dibenarkan membuat permohonan kepada beliau sekiranya ingin membuat lawatan ke Pusat Pemprosesan Pandan Indah atau Pusat Pengeluaran Sungai Besi di masa hadapan. Masa yang sesuai untuk lawatan ke Pusat Pemprosesan adalah dalam bulan Disember atau Januari.
- 1.4 Wakil persatuan maklumkan bahawa penerangan dan soal jawab semasa Majlis Dialog & Soal Jawab CKHT yang diadakan pada 26 Mac 2010 adalah memberangsangkan dan berharap Majlis Dialog sedemikian akan diadakan lebih kerap pada masa akan datang.

## 2. PERBINCANGAN

### Isu Yang Dibangkit Oleh CTIM

#### I General Filing Issues

#### 2.1 Grace period for filing of return forms through the post (Filing programme for year 2010)

It is noted that tax agents would generally encounter challenges in filing their clients' return forms on time because of the volume of such cases. Based on the 2010 Filing Programme, the grace period is only applicable to filing by post.

The Institutes would like to request that the grace period covers all cases where the returns are submitted by hand at the Processing Centre at Pandan Indah in Kuala Lumpur.

## **LHDNM**

**Tambahan masa sebanyak 7 hari selepas tarikh akhir pengemukaan borang dibenarkan untuk borang nyata kertas yang dihantar melalui pos dan juga serahan tangan (by hand). Tambahan masa ini terpakai untuk semua jenis borang nyata yang tarikh akhir pengemukaan borang jatuh dalam tahun kalendar 2010. Ini termasuk kes tarikh akhir pengemukaan borang pada 31.12.2010 di mana tambahan masa diberi sehingga 07.01.2011. Tambahan masa ini juga terpakai bagi bayaran baki cukai pendapatan di bawah subseksyen 103(1) Akta Cukai Pendapatan 1967.**

**Konsesi seperti ini hanya diberi untuk tahun kalendar 2010 sahaja dan tidak termasuk borang elektronik melalui e-Filing. Program Memfailkan Borang Bagi Tahun 2010 akan dipinda selaras dengan konsesi yang diberi ini.**

**Tindakan: LHDNM (JOC)**

**Dato' Pengerusi menyarankan agar Pengarah Jabatan Khidmat Korporat mengeluarkan surat kepada Chamber of Commerce dengan memberi penekanan ke atas tarikh akhir pengemukaan borang nyata (30/4 dan 30/6) supaya mereka dapat memberi maklumat / dokumen yang diperlukan kepada ejen cukai seawal yang mungkin.**

**Tindakan: LHDNM (JKK)**

## **2.2 Extension of time to file hard copies of return forms**

It was stated in the minutes of Operations Meeting No. 1/2010 that in the case of taxpayers being granted an extension of time to file hard copies of tax returns, the extension of time does not include the payment for the balance of tax and hence section 103(1) of the Income Tax Act 1967 shall apply.

The Institutes are of the view that where an extension of time is granted, the IRB has recognised that taxpayers and tax agents have a valid reason that tax filing cannot be completed by the due date of filing. It follows that the tax liability of taxpayers cannot be ascertained by the due date of filing. By imposing a penalty for late payment, the IRB is in effect penalising taxpayers and tax agents. The Institutes would like to know the rationale for not granting an extension of time to pay the balance of tax which will result in late payment penalties being imposed.

## **LHDNM**

**Permohonan lanjutan masa untuk pengemukaan borang nyata kertas bagi pembayar cukai kategori syarikat dan Borang E:**

- (i) hendaklah diterima oleh LHDNM sekurang-kurangnya 15 hari sebelum tarikh akhir \* pengemukaan borang.**

- (ii) *permohonan lanjutan masa untuk bayaran baki cukai dan hutang kepada Kerajaan, hendaklah dikemukakan bersama jika diperlukan juga (tidak terpakai kepada Borang E).*
- (iii) *hendaklah disertakan dengan alasan yang munasabah dan kukuh.*

*Permohonan akan dipertimbangkan berdasarkan merit kes.*

*\* 'Tarikh akhir' adalah tarikh seperti ditetapkan dalam ACP 1967.*

*Permohonan lanjutan masa perlu dialamatkan kepada Pengarah Bahagian Dasar & Operasi, Jabatan Operasi Cukai.*

## II YA 2010 Filing Issues

### 2.3 Treatment of spouse's dividend income for joint assessment under e-filing

In a joint assessment, under the current law, the dividend income of the spouse is included in the spouse's tax return to compute the total income. The total income of the spouse is then transferred to the taxpayer for aggregation with the total income of the taxpayer.

However, in the taxpayer's eBorang B/BE, only the dividend income of the taxpayer is allowed to be keyed in HK3. As such, the spouse cannot claim the Section 110 set-off arising from the dividend income.

To overcome the technical problem, taxpayers/tax agents have been advised to exclude the spouse's dividend income from the total income transferred to the taxpayer and include the spouse's dividend income in the taxpayer's HK3 as if the dividend income is the dividend income of the taxpayer.

Where the spouse has dividend income only, there will be no total income to be transferred and hence joint assessment will not be possible. Taxpayers/tax agents were further advised to key in total income as RM1 to activate the joint assessment.

This issue has been notified to the IRB previously. It is now brought again as the issue remains unresolved.

The Institutes are of the view that the advice given by the Inland Revenue Board (IRB) mentioned above is not in accordance with the law and there is no official letter to support the practice. Further, the practice can create anomalies. The Institutes hope that the IRB can come out with clear guidelines on the practice under such circumstances and taxpayers/tax agents following the practice will not be penalised if the actual tax liability exceeds the tax liability computed under such a practice.

### **LHDNM**

**Bagi kes taksiran bersama, di mana suami / isteri yang memilih taksiran bersama mempunyai pendapatan dividen dan adalah kes Cukai Kena Dibayar Balik, sistem hanya menyediakan HK-3 dalam borang pembayar cukai yang mana taksiran dikeluarkan atas namanya.**

**Oleh itu bagi kes di mana suami / isteri yang memilih taksiran bersama mempunyai pendapatan dividen sahaja, nilai RM1.00 perlu dimasukkan di ruangan “Jumlah Pendapatan Yang Dipindahkan Dari Suami / Isteri Bagi Taksiran Bersama” dalam borang nyata pembayar cukai dan RM1.00 dituntut di mana-mana ruangan pada Bahagian Pelepasan.**

**Bagi kes di mana kedua-dua suami dan isteri hanya mempunyai pendapatan dividen sahaja, ruangan “Jumlah Pendapatan Yang Dipindahkan Dari Suami / Isteri Bagi Taksiran Bersama” tidak perlu diisi.**

**Walau bagaimanapun, LHDNM akan mengkaji semula isu ini untuk taksiran 2010.**

**Tindakan: LHDNM (JTM/JOC)**

### **III Issues Arising from Previous Meetings**

#### **2.4 TAeF CP 204 - Save/Draft Facility (Item 3.1(a) of Minutes of DESIRE Meeting No. 5/2009)**

This facility is in place, thanks. It's a great help to all.

### **LHDNM**

**YBhg Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada wakil persatuan ke atas penggunaan aplikasi TAeF CP204. Statistik TAeF CP204 menunjukkan sehingga 29 Mac 2010:**

<b>2010</b>	<b>- 4,372 kes (448 individu, 3,925 Ejen Cukai)</b>
<b>2009</b>	<b>- 232 kes</b>
<b>Peratus Peningkatan</b>	<b>- 1,784.91%</b>

#### **2.5 Separate Log-ins (for Corporate taxpayers) (Item 3.3 of Minutes of DESIRE Meeting No. 5/2009)**

The IRB had stated that the Digicert for corporate taxpayers is expected to be made available from July 2010.

The Institutes would like to request that separate log-ins for corporate taxpayers be expedited.

## LHDNM

LHDNM mengambil maklum tentang perkara ini.

### 2.6 Timeline on host to host application. (Item 3.4 of Minutes of DESIRE Meeting No. 5/2009)

From the information provided at the last meeting, the next meeting with the SPTA members is expected to be held latest in March 2010, subject to obtaining approval from the Ministry of Finance. Following that, it was understood (from the minutes of the Operations Dialogue meeting held on 8 February 2010) that the matter is subject to the approval of MAMPU.

The Institutes would like to know when the dialogue will be held.

## LHDNM

***Kelulusan MAMPU pada 11/3/2010, dan sedang menunggu kelulusan daripada MOF. Tarikh Prove of Concept dicadangkan pada 13/04/2010 (Selasa).***

### ***Timeline Client to Host:***

	<b>Deliverables</b>	<b>Start</b>	<b>Finish</b>	<b>%</b>
Initial Requirement	User Requirement Specifications document (URS)	17-07-09	17-08-09	100
Contract Signing	Letter of Award (LOA)	N/A	N/A	N/A
Purchasing Hardware & Software	Procurement exercise	26-03-10	28-05-10	2
Analysis & Design	Software Design Specification (SDS)	20-08-09	22-01-10 (POC & SDS Review)	85
System Development	Source Code Document (SCD)	15-10-09	10-05-10	65
Testing Phase	User Acceptance Test Document (UAT), Sign-Off	1 <sup>st</sup> Phase:	14-05-10	0
		11-05-10	18-06-10	
		2 <sup>nd</sup> Phase:	15-06-10	
Training & Release Candidate	User Manual Document, System Documentation	1 <sup>st</sup> Phase:	17-06-10	0
		17-05-10	02-07-10	
		2 <sup>nd</sup> Phase:		
		21-06-10		
Delivery of Infrastructure	System Installation Document, User Acceptance Test & Sign-Off	01-06-10	14-06-10	0
Code Checker Session	Security Justification Report	21-06-10	25-06-10	0



## 2.7 Pre-filling of e-BE

It was stated that the matter will be tested out on the e-filing of e-BE in the year 2010 in respect of the officers of IRB, the Federal Government and Petronas.

The Institutes would like to know the progress of the matter.

### **LHDNM**

***Aplikasi praisi bagi pegawai LHDNM dan Petronas telah dimasukkan dalam production. Di masa akan datang, aplikasi praisi ini akan dilaksanakan ke atas semua e-BE berdasar maklumat yang diperolehi dari Borang E.***

## 2.8 Submission of Return Forms for company liquidation cases. (Item 3.13 of Minutes of DESIRE Meeting No. 3/2009)

The meeting was informed that appropriate action would be taken to update the Frequently Asked Question (FAQ) section in the IRB website with regard to this matter.

The Institutes would like to know the status of the update.

### **LHDNM**

***Rujukan boleh dibuat di bawah perkara 12 FAQ syarikat – “Pertukaran Tempoh Perakaunan”, di bawah tajuk “Tempoh Perakaunan Bagi Syarikat Di Bawah Pembubaran” (pindaan pada 14 April 2010).***

## 2.9 Explanatory notes on Form R 2009

As had been brought up at the DESIRE Meeting No.5/2009 on 16 December 2009, the Institutes note that the Explanatory Notes for Form R 2009 are not consistent thereby causing some confusion. For instance, the use of the term *instalment from (ansuran dari)* in Example 5 does not appear to be consistent. [e.g. *ansuran dari Mac 2007* means the instalment for February 2007, payable by 10 March 2007. On the other hand, *ansuran dari Disember 2007* refers to the December 2007 instalment payable by 10 January 2008.

The explanation provided in the minutes states that in Example 5, the December 2007 instalment had been paid late. Hence, the IRB is of the view that Example 5 is in order.

The Institutes wish to make these comments.

In spite of your explanation that, in this example, the December 2007 instalment is intentionally meant to have been paid after than the due date, the example seems correct. It is also noted that there is no material effect on the example which is to show that “no amount” should be entered in column A2b of Form R 2009.

Further feedback to IRB on other examples in the Explanatory Notes on Form R 2009

Notwithstanding the above, we would like to forward the following observations. (In these examples, it is assumed that the instalments have been made by the due dates).

Contoh 3:

Syarikat Mala Sdn. Bhd. menutup akaun pada 31 Mei (basis period: 01/06/2007 to 31/05/2008).

Bagi T/T 2008, syarikat telah membayar ansuran seksyen 107C sebanyak RM15,000 sebulan dari bulan Julai 2007 (first instalment is due on 10/07/2007) hingga bulan Jun 2008 yang berjumlah RM180,000. Akan tetapi, hanya bayaran ansuran dari Julai 2007 hingga November 2007 yang berjumlah RM75,000 dibenarkan dalam pengiraan baki 108 kerana ansuran dari ~~Disember 2007~~ (should be "Januari 2008", as the instalment due on 10/12/2007 should be allowed) hingga Jun 2008 dibayar selepas 31 Disember 2007.

Contoh 6: (this example is correct)

Syarikat Badarudin Bhd. menutup akaun pada 31 Mac (basis period: 01/04/2007 to 31/03/2008).

Ansuran seksyen 107C yang telah dijelaskan dari Mei 2007 (first instalment is due on 10/05/2007) hingga April 2008 sebanyak RM20,000 sebulan berjumlah RM240,000. Akan tetapi, hanya ansuran dari Mei 2007 hingga Disember 2007 yang berjumlah RM160,000 dibenarkan dalam pengiraan baki 108 kerana bayaran-bayaran berkenaan telah diterima pada atau sebelum 31 Disember 2007.

Contoh 8:

Syarikat Seniman Bhd. menutup akaun pada 31 Mei (basis period: 01/06/2007 to 31/05/2008).

Amaun yang boleh diisi dalam Ruang ini adalah ansuran seksyen 107C dari Julai 2007 (first instalment is due on 10/07/2007) hingga ~~November 2007~~ (should be "Disember 2007", i.e. the instalment that is due on 10/12/2007) berjumlah RM60,000 yang dibenarkan dalam pengiraan baki 108 kerana bayaran-bayaran tersebut telah dibayar pada atau sebelum 31 Disember 2007.

The Institutes hope that the matter can be corrected as soon as possible.

### **LHDNM**

***Ansuran Disember dalam contoh 3 dan 8 ditunjukkan sebagai ansuran yang lewat dibayar untuk mempelbagaikan senario kes. Walau bagaimanapun, pindaan telah dibuat untuk memberi penerangan yang lebih jelas.***

## CABUTAN DARIPADA NOTA PENERANGAN R 2009

A2a Cukai dibayar balik untuk tahun taksiran sebelum

Contoh 3: (muka surat 4)

Syarikat Mala Sdn. Bhd. menutup akaun pada 31 Mei.

Bagi T/T 2008, syarikat telah membayar ansuran seksyen 107C sebanyak RM15,000 sebulan dari bulan Julai 2007 hingga bulan Jun 2008 yang berjumlah RM180,000. Akan tetapi, hanya bayaran ansuran dari Julai 2007 hingga November 2007 yang berjumlah RM75,000 dibenarkan dalam pengiraan baki 108 kerana dalam kes ini, syarikat terlewat bayar ansuran Disember 2007 iaitu selepas 31 Disember 2007.

Syarikat mengemukakan Borang C bagi T/T 2008 pada 18 Disember 2008 dan cukai sebenar yang kena dibayar adalah RM70,000.

	<u>RM</u>
Jumlah bayaran ansuran dari Julai 2007 hingga November 2007	75,000
Tolak: Cukai sebenar	<u>70,000</u>
Cukai dibayar balik	<u>5,000</u>

Walaupun amaun cukai yang terlebih bayar adalah sebanyak RM (180,000 – 70,000) = RM110,000 (amaun dari Ruang B4 dalam Borang C bagi T/T 2008), amaun yang boleh diisi di Ruang ini adalah RM5,000 sahaja. Amaun ini boleh diambil kira kerana disifatkan ('deemed') telah dibayar balik pada 18 Disember 2008 (tarikh Borang C T/T 2008 dikemukakan), iaitu dalam tempoh 01.06.2008 - 31.05.2009 (tempoh asas bagi T/T 2009).

A2d Cukai yang telah dibayar dan diremitkan

Contoh 8: (muka surat 6)

Syarikat Seniman Bhd. menutup akaun pada 31 Mei.

Cukai T/T 2008 sejumlah RM145,000 telah dijelaskan seperti berikut:-

	<u>RM</u>
Jumlah bayaran ansuran di bawah seksyen 107C (RM10,000 sebulan dari Julai 2007 hingga Jun 2008)	120,000
Baki cukai dibayar pada 18 Disember 2008	25,000

Cukai dihapus kira dan syarikat dimaklumkan pada 16 Februari 2009 (iaitu dalam tempoh 01.06.2008 - 31.05.2009).

Amaun untuk diisi dalam Ruang ini adalah ansuran seksyen 107C dari Julai 2007 hingga November 2007 berjumlah RM50,000 yang telah dibenarkan dalam pengiraan baki 108. Bagi kes ini, bayaran ansuran Disember 2007 tidak diambil kira kerana terlewat dibayar oleh syarikat iaitu selepas 31 Disember 2007.

## **ISU TAMBAHAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH INLAND REVENUE EX-OFFICERS ASSOCIATION**

### **2.10 Issue 1– Current Tax Investigation Cases Being Subject to Field Audit**

Currently, cases which are under tax investigation and are about to be finalized are being informed that a field audit is about to commence. We will like to propose that this gap in the field audit selection process be closed.

#### **LHDNM**

**Kes yang masih dalam tindakan Jabatan Siasatan terhadap tahun-tahun taksiran tertentu tidak akan diambil tindakan audit luar bagi tahun-tahun taksiran yang sama. Walau bagaimanapun, tindakan pengauditan boleh dijalankan atas kes yang sama tetapi tahun taksiran yang berlainan dengan tahun taksiran yang masih dalam tindakan Jabatan Siasatan. Ini adalah kerana pengauditan akan dilakukan jika terdapat maklumat ‘risiko yang tinggi’ bagi tahun-tahun taksiran berkenaan.**

**Wakil persatuan memaklumkan bahawa terdapat kes di mana pegawai audit tidak sedar bahawa penyiasatan telah dijalankan ke atas kes yang sama sehingga dimaklumkan oleh ejen cukai. Mesyuarat dimaklumkan bahawa pegawai audit sepatutnya membuat semakan terlebih dahulu sebelum tindakan pengauditan dijalankan.**

**Mesyuarat dimaklumkan bahawa Jabatan Pematuhan Cukai dan Jabatan Siasatan akan mengambil maklum isu ini.**

### **2.11 Issue 2 – Meaning of Benefit or Gift**

We need confirmation from the Revenue, that the word “*benefit or gift*” as used in the *Income Tax (Exemption) Order 2009* includes income taxable under S13(1)(a) and S13(1)(b) of the *Income Tax Act 1967*(as amended).

## **LHDNM**

“Benefit or gift” yang disebut dalam Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2009 [P.U.(A) 152] termasuk dalam pendapatan kasar penggajian (elaun dan penerimaan lain yang merupakan perkuisit) yang tertakluk kepada cukai pendapatan di bawah perenggan 13(1)(a) dan manfaat (pemberian) di bawah perenggan 13(1)(b) ACP 1967.

Perintah Pengecualian ini menerangkan pengecualian cukai terhadap sesetengah elaun, perkuisit, manfaat dan pemberian yang sebelum ini dikenakan cukai. Jika pengecualian cukai dihadkan ke suatu amaun tertentu, ia telah dinyatakan dalam perenggan 3 Perintah Pengecualian tersebut. Item-item dalam Jadual yang tidak disebut dalam perenggan 3 diberi pengecualian penuh.

Perkara ini juga telah diterangkan dalam Tambahan Kedua dan Ketiga Kepada Ketetapan Umum No. 1/2006 dan Tambahan Ketiga Kepada Ketetapan Umum No. 2/2004.

### **3. HAL-HAL LAIN**

#### **3.1 Permohonan Lanjutan Masa Kes Penyiasatan**

Wakil persatuan memaklumkan bahawa pada kebiasaannya lanjutan masa selama 30 hari adalah dibenarkan bagi permohonan ke atas kes yang masih dalam tindakan siasatan. Tambahan lanjutan masa selama 30 hari akan diberi setiap kali selepas tamat tempoh lanjutan masa tersebut. Beliau menyarankan agar satu tempoh masa yang lebih munasabah diberi kerana kes penyiasatan tidak dapat diselesaikan dalam masa 30 hari.

Isu ini akan dipanjangkan untuk makluman dan tindakan Jabatan Siasatan.

Tindakan: LHDNM (Jabatan Siasatan)

#### **3.2 Kes Pekerja Berpengetahuan Yang Bekerja Di Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia**

Wakil persatuan berharap kes pekerja berpengetahuan akan diambil kira semasa draf reka bentuk Borang Nyata terutamanya bagi kes taksiran bersama di mana suami / isteri yang memilih taksiran bersama mempunyai pendapatan dari Wilayah Iskandar Malaysia yang akan dikenakan cukai pada kadar 15%.

### **3.3 Mesyuarat Akan Datang**

Mesyuarat berikutnya dirancang pada akhir bulan Mei 2010. Wakil persatuan diminta mengemukakan isu yang akan dibangkitkan selewat-lewatnya pada 15 Mei 2010 kepada urus setia supaya LHDNM mempunyai masa yang mencukupi untuk mengkaji dan membuat persediaan.

Tindakan: Persatuan Akauntan

### **3.4 Tarikh Mula Akaun dan Tarikh Tutup Akaun**

Pengarah Jabatan Pemprosesan memperingatkan agar ruangan “Tarikh Mula Akaun” dan “Tarikh Tutup Akaun” dalam Borang C diisi dengan betul. Terdapat kes di mana syarikat tersilap isi tempoh asas dalam ruangan tersebut. Ini akan memberi kesan penentuan tarikh akhir pengemukaan borang dan kemungkinan penalti subseksyen 112(3) akan dikenakan terutamanya bagi kes permulaan perniagaan dan pertukaran tempoh perakaunan.

Surat berkenaan penentuan tarikh penghantaran borang nyata bagi kes yang melibatkan lebih daripada 1 tempoh perakaunan telah dikeluarkan kepada persatuan akauntan pada 23 Oktober 2009 (dilampirkan).

### **3.5 Pusat Khidmat Pelanggan**

Pengarah Bahagian Pusat Khidmat Pelanggan melaporkan bahawa kebelakangan ini terdapat banyak panggilan berkenaan dengan permohonan No. PIN dan masalah terlupa kata laluan. YBhg Dato' Pengerusi menyarankan agar pembayar cukai mewujudkan kata laluan yang senang diingat.

### **3.6 Pemindahan Cawangan Petaling Jaya**

Pengarah Pejabat Negeri Selangor memaklumkan Cawangan Petaling Jaya telah berpindah ke:

Menara HASiL,  
PJ Trade Centre,  
No. 8, Jalan PJU 8/8A,  
Bandar Damansara Perdana,  
47820 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.  
No. Tel: 03-78827500

Maklumat perpindahan ini juga boleh didapati di laman web Hasil.

### **3.7 Pengemukaan Borang R**

Mesyuarat memaklumkan bahawa Borang R masih perlu dikemukakan sekiranya syarikat telah mengabaikan baki 108 / baki 108 tersemak. Bagi kes syarikat yang baru beroperasi selepas 31.12.2007, Borang R tidak perlu dikemukakan.

#### **CABUTAN DARIPADA NOTA PENERANGAN R 2009 (muka surat 3)**

##### **A1 Baki 108 tersemak diabaikan**

Syarikat yang telah mengemukakan Borang R50 untuk mengabaikan baki 108 / baki 108 tersemak masih dikehendaki mengisi dan mengemukakan Borang R.

#### **CABUTAN DARIPADA PROGRAM MEMFAILKAN BORANG BAGI TAHUN 2010 (muka surat 3)**

- 2.4 Kategori Syarikat Yang Tidak Perlu Mengemukakan Borang R Syarikat yang mula beroperasi selepas 31.12.2007 tidak perlu mengemukakan Borang R bagi Tahun Taksiran 2010 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

### **3.8 Borang CP 500**

Wakil persatuan memberitahu terdapat kes di mana Borang CP500 dikeluarkan bagi kes Cukai Kena Dibayar kurang daripada RM500 tetapi sebaliknya pembayar cukai yang layak pula tidak menerimanya.

Pengarah Jabatan Pungutan Hasil memaklumkan bahawa CP500 dikeluarkan kepada pembayar cukai selain daripada syarikat, koperasi dan badan amanah. Anggaran cukai adalah berpandukan kepada cukai kena dibayar (yang berkaitan dengan pendapatan selain penggajian) bagi Tahun Taksiran 2008 atau Tahun Taksiran 2007 jika borang nyata tahun taksiran 2008 tidak dikemukakan. Jumlah amaun minimum anggaran cukai ialah RM300.

Walau bagaimanapun, CP500 telah dibatalkan bagi kes yang mempunyai pendapatan penggajian dan dividen sahaja.

### 3.9 Borang E

- 3.9.1** Mesyuarat menyarankan agar majikan menghubungi cawangan LHDNM yang mengendalikan fail majikan untuk membatalkan No. E Majikan bagi kes tidak beroperasi dan tiada pekerja.
- 3.9.2** Pengarah Jabatan Khidmat Korporat memperingatkan bahawa esok iaitu 31 Mac 2010 adalah tarikh akhir pengemukaan Borang E 2009.
- 3.9.3** Pengarah Jabatan Operasi Cukai meminta wakil persatuan mengemukakan surat berkenaan dengan pertanyaan sama ada Borang E perlu diisi dan dikemukakan oleh majikan yang hanya mempunyai pekerja yang saraan kasar kurang daripada RM30,000. Perkara ini akan dipanjangkan ke Jabatan Pematuhan Cukai.

#### ***Keputusan LHDNM***

***Mengikut peruntukan subseksyen 83(1) Akta Cukai Pendapatan 1967, majikan dikehendaki mengisi dan mengemukakan Borang E tidak kira berapa jumlah saraan kasar pekerjanya.***

***Oleh itu, bagi majikan di mana saraan kasar kesemua pekerjanya adalah kurang daripada RM30,000, semua Bahagian dalam Borang E perlu diisi kecuali Borang C.P. 8D kerana keperluan/syarat untuk mengisi C.P. 8D adalah:***

***“Majikan dikehendaki mengisi Bahagian ini jika terdapat pekerja yang jumlah saraan kasar tahunan sebanyak RM30,000 dan ke atas ATAU bagi pekerja yang jumlah saraan kasar tahunan kurang daripada RM30,000 tetapi saraan kasar bulanan adalah RM2,500 dan ke atas (termasuk bonus tetapi tidak termasuk tunggakan saraan kasar tahun-tahun terdahulu) bagi mana-mana bulan dalam tahun 2009.”***

### 3.10 Borang BE / B

Wakil persatuan akauntan membangkitkan isu di mana ruangan “Cukai Dibayar Balik” dan “Cukai Terlebih Bayar” ditunjuk secara berasingan dan tidak dijumlahkan kedua-dua amaun tersebut dalam borang nyata. LHDNM memaklumkan bahawa sistem akan *trigger* sebagai pembayaran



balik sekiranya salah satu ruangan diisi dan bayaran balik akan dibuat dalam satu cek.

### **3.11 Cukai Keuntungan Harta Tanah**

Wakil persatuan menyarankan supaya pemeroleh dikecualikan daripada memegang dan meremitkan bayaran 2% bagi kes pelupusan yang mengalami kerugian. Mesyuarat dimaklumkan bahawa Borang CHKT 3 akan dikaji semula.

### **3.12 Borang PDF**

Pengarah Jabatan Operasi Cukai memaklumkan bahawa penggunaan borang PDF bagi borang nyata perlu mematuhi spesifikasi cetakan yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, ejen cukai adalah tidak dibenarkan untuk menggunakan borang PDF.

## **4. PENUTUP**

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan menanggungkan mesyuarat pada pukul 11.30 pagi.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA  
JABATAN OPERASI CUKAI  
TINGKAT 14, BLOK 9  
KOMPLEKS BANGUNAN KERAJAAN,  
JALAN DUTA  
50600 KUALA LUMPUR

Telefon: 03- 62091000  
Faks: 03-62039592  
Laman Web: [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : LHDN.01/32.1/193/31/1

Tarikh : 23 Oktober 2009

Pengarah Eksekutif,  
Institut Percukaian Malaysia (CTIM),  
Unit B-13-2, Block B, 13th Floor, Megan Avenue II,  
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng,  
50450 Kuala Lumpur.

Pengarah Eksekutif,  
Institut Akauntan Malaysia (MIA)  
Dewan Akauntan No. 2  
Jalan Tun Sambanthan 3, Brickfields  
50470 Kuala Lumpur

Pengarah Eksekutif,  
Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)  
15, Jalan Medan Tuanku  
50300 Kuala Lumpur

Presiden  
Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA)  
Pejabat Sekretariat MATA  
15-2, Jalan Wangsa Setia 1, Wangsa Melawati  
53100 Kuala Lumpur

Presiden  
Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Syarikat (MAICSA)  
No. 57, The Boulevard, Mid Valley City  
Lingkaran Syed Putra  
59200 Kuala Lumpur

Presiden  
Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS)  
No. 23A, 1st Floor  
Jalan SS24/11, Taman Megah  
47301 Petaling Jaya, Selangor

Presiden  
Institute of Cooperative & Management Accountants (ICMA)  
No. 14M, Jalan Zirkon E7, Seksyen 7  
40000 Shah Alam

Tuan,

**TARIKH PENGHANTARAN BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN BAGI KATEGORI FAIL SYARIKAT, BADAN AMANAH DAN KOPERASI DI MANA TEMPOH ASAS BAGI SESUATU TAHUN TAKSIRAN MELIBATKAN LEBIH DARIPADA 1 TEMPOH PERAKAUNAN**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas yang telah dibangkitkan semasa Mesyuarat *Working Group* LHDNM Dengan Persatuan Akauntan – DESIRE – Bil. 4/2009 yang telah diadakan pada 6 Oktober 2009.

2. Adalah dimaklumkan bagi kes permulaan perniagaan dan pertukaran tempoh perakaunan di mana tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran melibatkan lebih daripada 1 tempoh perakaunan, pembayar cukai dibenarkan untuk mengemukakan borang nyata cukai pendapatan (BNCP) pada atau sebelum tarikh akhir pengemukaan borang mengikut tarikh penutupan perakaunan yang kedua. Peraturan ini juga terpakai bagi bayaran baki cukai dan hutang kepada Kerajaan.

**Contoh I: Permulaan Perniagaan**

Syarikat memulakan operasi pada 01/06/2008 dan akaun disediakan hingga 30/04/2009 dan seterusnya hingga 30/04/2010.

Tempoh asas dan tarikh ditetapkan untuk penghantaran Borang C dan Borang R serta bayaran cukai / hutang kepada Kerajaan adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	Tempoh Asas	Tarikh Akhir Pengemukaan BNCP dan Bayaran Cukai / Hutang Kepada Kerajaan
2008	01/06/2008 – 31/12/2008	30/11/2009
2009	01/01/2009 – 31/12/2009	30/11/2010
2010	01/05/2009 – 30/04/2010	30/11/2010

## Contoh II: Pertukaran Tempoh Perakaunan

Sebuah syarikat yang biasa menutup akaun pada 31 Disember menukar tarikh perakaunannya kepada 31 Mac dan menyediakan akaunnya seperti berikut:

- 01/01/2008 hingga 31/03/2009
- Seterusnya hingga 31 Mac.

Tempoh asas dan tarikh ditetapkan untuk penghantaran Borang C dan Borang R serta bayaran cukai / hutang kepada Kerajaan adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	Tempoh Asas	Tarikh Akhir Pengemukaan BNCP dan Bayaran Cukai / Hutang Kepada Kerajaan
2008	01/01/2008 – 31/12/2008	31/10/2009
2009	01/01/2009 – 31/12/2009	31/10/2010
2010	01/04/2009 – 31/03/2010	31/10/2010

3. Tarikh kuat kuasa peraturan di atas adalah seperti berikut:

Jenis Borang	Tarikh Kuat Kuasa
C & R	Mulai Tahun Taksiran 2001
C1 / TA / TC	Mulai Tahun Taksiran 2004
TR	Mulai Tahun Taksiran 2005

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“BERSAMA MEMBANGUN NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

  
**(DATO' DR. MOHD. SHUKOR BIN HJ. MAHFAR)**

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi Percukaian)

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia